

13 MAR 2003

ACCCIM-KONVENSYEN/I

3,000 PESERTA DIJANGKA HADIRI KONVENSYEN USAHAWAN CINA DUNIA

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Kira-kira 3,000 usahawan dijangka menghadiri Konvensyen Usahawan Cina Dunia (WCEC) yang akan diadakan mulai 27 hingga 30 Julai depan.

Naib Setiausaha Agung Dewan Perdagangan dan Perindustrian Cina Bersekutu Malaysia (ACCCIM), Datuk David Chua menyifatkan konvensyen itu sebagai perhimpunan terbesar usahawan-usahawan Cina dari luar negara China.

Konvensyen antarabangsa itu bertujuan meningkatkan lagi status dan imej antarabangsa Malaysia dan menarik lebih banyak lagi Pelaburan Asing Langsung (FDI), kata Chua.

Chua menggesa supaya para usahawan menyertai konvensyen ini memandangkan ia boleh dijadikan platform untuk mereka memulakan rangkaian komunikasi dan perhubungan mesra dengan usahawan asing Cina selain daripada berkongsi pengalaman dan meninjau peluang-peluang perniagaan baru.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyampaian cek di mana HSBC Bank Malaysia Bhd, penaja utama WCEC, menyerahkan cek bernilai RM250,000 kepada ACCCIM, penganjur konvensyen itu.

Cek itu telah diserahkan oleh Richard Lee, pengurus besar HSBC (perbankan komersil) kepada presiden ACCCIM dan pengerusi jawatankuasa penganjuran WCEC, Tan Sri Dato' Lim Guan Teik di ibu pejabat bank itu di sini.

Lee berkata dengan rangkaian 8,000 pejabat di 80 buah negara, HSBC berada di kedudukan yang kukuh untuk membantu perniagaan meningkat dan berkembang ke pasaran-pasaran baru.

Menyentuh mengenai konvensyen berkenaan, Lee berkata ia merupakan satu platform yang baik untuk mengetengahkan Malaysia dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan asing langsung.

Beliau berkata para peserta akan dapat mengetahui sendiri apa yang ditawarkan oleh Malaysia termasuklah sistem pengangkutan terbaik dan infrastruktur teknologi maklumat, dasar ekonomi yang stabil dan tenaga kerja yang berpendidikan.

Konvensyen itu dijangka membantu usahawan Cina Malaysia memasuki pasaran dunia di samping mewujudkan kerjasama rapat dan mengukuhkan rangkaian perniagaan dengan usahawan Cina etnik sejagat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan konvensyen berkenaan. Beliau akan menyampaikan ucapan tama dan mengadakan sesi dialog dengan para peserta.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz pula dijangka menyampaikan ucapan kepada peserta pada majlis makan tengahari khas. -- BERNAMA

WNA KTC AA